

## 11) PEMAJU BERMASALAH

Adun : Y.B. Dato' Harrison Bin Hassan (Jeram)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan pemaju perumahan yang bermasalah tidak di anugerahkan sebarang projek selepas beberapa siri kesalahan berulang dan mempunyai KPI yang tidak memuaskan?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak terlibat dan mempunyai *Locus Standi* bagi tujuan menganugerahkan projek perumahan yang dibangunkan atas tanah milik pemaju / individu sendiri. Namun Kerajaan Negeri akan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Kerajaan Negeri amat memandang serius berhubung isu pemaju perumahan yang bermasalah dan mempunyai rekod buruk dalam melaksanakan projek perumahan di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melaksanakan halangan secara pentadbiran untuk menolak sebarang permohonan daripada pemaju yang mempunyai rekod buruk bagi melaksanakan pembangunan perumahan khususnya melibatkan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM) pada tahun 2005 berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 16 September 2004 yang mengarahkan semua pemajuan dan pembangunan yang dijalankan di Negeri Selangor hendaklah berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Setiap pemaju diwajibkan untuk menghantar laporan kemajuan kerja setiap enam (6) bulan selepas pendaftaran dibuat kepada LPHS bagi memantau perkembangan kemajuan projek bagi memastikan projek siap mengikut jadual dan tempoh masa yang ditetapkan serta mengenal pasti projek yang lewat serta berpotensi untuk terbengkalai.

Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS juga, sekiranya dikenalpasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain.